

**Rahsia Menjalani Kehidupan Orang Kristian
untuk Menjadi Pejayeng—
Mengambil Jalan Makan dan Menikmati Kristus
sebagai Pohon Hayat**

Bacaan Bible: Kej. 2:9; Wahi 2:7; Yoh. 6:57, 63; Yer. 15:16; Mzm. 119:15; Yeh. 3:1-4

- I. **Rahsia menjalani kehidupan orang Kristian untuk menjadi pejayeng ialah kita mengambil jalan makan dan menikmati Kristus sebagai pohon hayat; Tuhan tidak bermaksud kita melakukan apa-apa untuk-Nya; satu-satunya hasrat-Nya ialah memberi diri Dia sebagai makanan kepada kita untuk kita nikmati; hanya orang yang mengambil jalan menikmati Kristus sebagai pohon hayat akan melihat kehidupan dan kerja mereka kekal dalam Yerusalem Baru—Kej. 2:9; Wahi 2:7.**
- II. **Kita dapat makan Tuan Yesus sebagai makanan rohani kita untuk kenikmatan kita, menerima Dia sebagai Roh itu yang memberi hayat menerusi makan sabda-Nya yang merupakan roh dan hayat melalui segala doa serta dengan merenungi sabda-Nya—Yoh. 6:57, 63; Yer. 15:16 dan nota kaki; Ef. 6:17-18; Mzm. 119:15 dan nota kaki; Mat. 4:4; Mzm. 119:103:**
 - A. Apabila kita makan Tuan Yesus dengan makan sabda-Nya yang merupakan roh dan hayat, kita hidup *kerana* Dia (Yoh. 6:57, 63); kita bukan hidup *melalui* Kristus tetapi hidup *kerana* Kristus sebagai elemen yang memberi tenaga dan faktor yang membekal; kita berhidupkan Kristus dalam kebangkitan-Nya, dan kita berhidupkan Kristus dengan makan-Nya (Gal. 2:20; Flp. 1:19-21a).
 - B. Apabila kita makan Tuan Yesus dengan makan sabda-Nya, kita perlu mempunyai penghadaman rohani yang wajar—Yeh. 3:1-4; Yer. 15:16; Wahi 10:9-10:
 1. Jika kita mempunyai penghadaman yang baik, makanan dapat disalurkan ke dalam setiap bahagian diri dalaman kita dengan lancar; dengan makan, kita mempunyai penghadaman; dengan menghadam, kita mempunyai asimilasi; dan dengan asimilasi, kita menerima pengkhasiatan daripada kekayaan Kristus secara praktikal ke dalam diri kita—Ef. 3:8, 16-17a.
 2. Ketakhadaman bermaksud Tuan sebagai makanan rohani tidak dapat masuk ke dalam bahagian dalaman kita; apabila makanan tidak dapat disalurkan ke dalam bahagian dalaman kita dengan lancar, kita akan mengalami ketakhadaman—Ibr. 3:12, 15; 4:2.
 3. Kita perlu memelihara seluruh diri berserta seluruh bahagian dalaman kita terbuka kepada Tuan agar makanan rohani mempunyai laluan yang bebas dalam kita; jika kita berbuat demikian, kita akan mempunyai penghadaman dan asimilasi yang baik, kita akan menyerap Kristus sebagai pengkhasiatan rohani, dan Kristus akan menjadi konstituen kita demi ekspresi Tuhan—Ef. 3:16-17a; Kol. 3:4, 10-11.
- III. **Kita dapat makan-Nya dengan melakukan kehendak Bapa untuk memuaskan orang yang lapar dan haus, dan dengan memuliakan Bapa di bumi dengan menjalani kehidupan Tuhan-manusia bagi memuliakan Tuhan Tritunggal yang terproses—Mat. 24:45-47; Flp. 1:19-21a:**
 - A. “Aku mempunyai makanan untuk dimakan yang tidak kamu tahu...Makanan-Ku ialah melakukan kehendak Dia yang mengutus Aku dan menyiapkan kerja-Nya”—Yoh. 4:32, 34.
 - B. “Aku telah memuliakan Engkau di bumi dengan menyiapkan kerja yang Engkau beri kepada-Ku untuk dilakukan” (Yoh. 17:4); memuliakan Tuhan bererti mengekspresikan Tuhan dalam segala sesuatu (bd. Kol. 1:9-11).
 - C. Dalam kehidupan insani Tuan, Dia makan mentega (kurnia yang terkaya) dan

madu (kasih yang termanis); ini memberi-Nya kudrat untuk sentiasa memilih kehendak Bapa—Yes. 7:14-15, ASV 1901.

- D. Kita ialah orang yang mempelajari Kristus sebagaimana “realiti itu ada dalam Yesus”; *realiti itu ada dalam Yesus* merujuk kepada keadaan sebenar kehidupan Tuan Yesus seperti yang tercatat dalam empat Injil, iaitu kehidupan yang memuliakan Bapa di bumi untuk mendirikan teladan bagi percayawan-Nya—Ef. 4:20-21:
1. Yesus menjalani kehidupan yang sentiasa melakukan segala-galanya dalam Tuhan, bersama dengan Tuhan, dan untuk Tuhan agar memuliakan Tuhan; Tuhan berada dalam kehidupan-Nya, dan Dia dengan Tuhan adalah satu; dalam kebangkitan, Dia menjadi Roh beri-hayat supaya Dia dapat memasuki kita untuk menjadi hayat kita; kita belajar daripada-Nya (Mat. 11:29) menurut teladan-Nya, bukan melalui hayat alamiah kita tetapi melalui Dia sebagai hayat kita dalam kebangkitan (Kol. 3:4; 1 Ptr. 2:21).
 2. Tuan Yesus tidak pernah melakukan apa-apa daripada diri-Nya (Yoh. 5:19); Dia tidak melakukan kerja-Nya sendiri (4:34; 17:4), Dia tidak membicarakan kata-kata-Nya sendiri (14:10, 24), Dia tidak melakukan kehendak-Nya sendiri (5:30), dan Dia tidak mencari kemuliaan-Nya sendiri (7:18).
 3. Mempelajari Kristus bererti dibentuk mengikut teladan Kristus, iaitu dikonform kepada imej Kristus; Dia sendiri sebagai Roh yang huni secara dalaman, hukum Roh hayat, serta segala kekayaan hayat-Nya, menghasilkan semula diri-Nya dalam kita—Roma 8:2, 28-29.
- E. Yesaya 43:7 berkata, “Setiap orang yang digelar menurut nama-Ku, / Yang Aku cipta, bentuk, malah jadikan demi kemuliaan-Ku”; pelayanan tertinggi yang dapat kita beri kepada Tuhan ialah mengekspresikan kemuliaan-Nya—2 Kor. 3:18; Roma 9:23.
- F. Satu Korintus 6:20 berkata, “Kerana kamu telah dibeli dengan harga yang tinggi. Jadi, muliakan Tuhan dalam tubuhmu”; ini adalah untuk membenarkan Tuhan yang huni dalam kita (1 Yoh. 4:13) menduduki dan menepui tubuh kita serta mengekspresikan diri-Nya menerusi tubuh kita sebagai bait-Nya (1 Kor. 6:19); 1 Korintus 10:31 berkata, “Sama ada kamu makan atau minum, ataupun apa jua yang kamu lakukan, lakukanlah segalanya untuk memuliakan Tuhan.”

IV. Kita dapat makan-Nya dengan menghubungi orang yang wajar—Im. 11:1-3, 9, 13, 21:

- A. Makan bererti menghubungi hal-hal di luar kita dan menerimanya ke dalam kita supaya hal-hal ini akhirnya menjadi konstitusi dalaman kita; dalam Imamat 11, semua binatang menandakan orang yang berlainan jenis, manakala makan menandakan kita menghubungi orang (Kis. 10:9b-14, 27-29); jika umat Tuhan hendak menjalani kehidupan yang kudus seperti yang dituntut oleh Tuhan yang kudus, mereka harus berjaga-jaga tentang jenis orang yang dihubungi mereka (Im. 11:46-47; 1 Kor. 15:33; 2 Kor. 6:14-18; 2 Tim. 2:22).
- B. Binatang yang berkuku belah dan memamah biak (Im. 11:3; bd. ay. 4-8, 26-28) menandakan orang yang mempunyai daya tamyiz dalam aktiviti mereka (Flp. 1:9-10) dan yang menerima sabda Tuhan dengan banyak pertimbangan (Mzm. 119:15).
- C. Hidupan air yang bersirip dan bersisik menandakan orang yang dapat bergerak dan bertindak secara bebas di dunia namun pada masa yang sama dapat menolak pengaruh dunia (sirip membantu ikan bergerak dan bertindak dalam air menurut kehendaknya, dan sisik melindungi serta mencegah ikan yang hidup dalam laut daripada diasinkan)—Im. 11:9.
- D. Burung yang bersayap untuk terbang dan yang makan benih hayat sebagai bekalan makanannya menandakan orang yang dapat hidup dan bergerak dalam hayat yang menjauhi dan mengatasi dunia, serta menerima benda hayat sebagai bekalan hayat mereka—ay. 13.

- E. Serangga yang bersayap dan mempunyai paha di sebelah atas kakinya untuk melompat di atas tanah menandakan orang yang dapat hidup serta bergerak dalam hayat yang mengatasi dunia dan dapat memelihara diri daripada dunia—ay. 21-22.
- V. Kita dapat makan-Nya dengan menikmati Dia sebagai perayaan dalam perhimpunan di atas tapak kesatuan:**
- A. Bani Israel dapat menikmati hasil tanah permai dengan dua cara: cara yang umum dan peribadi ialah menikmati tanah permai sebagai bahagian yang umum pada bila-bila masa, di mana-mana sahaja, dan dengan sesiapa sahaja (Ul. 12:15); cara yang khusus dan korporat pula ialah menikmati bahagian yang terbaik, yakni buah sulung dan binatang yang pertama-lahir, bersama dengan semua orang Israel pada perayaan-perayaan yang ditetapkan dan di tempat unik yang dipilih Tuhan (ay. 5-7, 17-18).
- B. Begitu juga, kenikmatan percayawan Wasiat Baru terhadap Kristus juga mempunyai dua aspek: aspek yang umum dan peribadi untuk menikmati Kristus pada bila-bila masa dan di mana-mana sahaja; aspek yang khusus dan korporat untuk menikmati bahagian Kristus yang terbaik dalam perhimpunan dalam kehidupan gereja yang wajar di atas tapak kesatuan yang unik, yakni tempat yang dipilih Tuhan.
- VI. Hasrat Tuhan terhadap manusia ialah memberi diri Dia sebagai pohon hayat kepada manusia untuk dinikmatinya; melihat bahawa Tuhan mahu kita menikmati-Nya dan Dia tidak mahu kita melakukan apa-apa untuk-Nya bererti melihat bahawa kehidupan orang Kristian ialah perihal menikmati Kristus sebagai pohon hayat; jika konsep kita berubah agar melihat kedua-dua butir ini, maka mudah bagi kita menjalani kehidupan yang menikmati Tuhan.**